

## MUSTAHAK - LIHAT SYARAT-SYARAT AM

### SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

#### 1. KEADAAN BARANG

Barang adalah dijual sepertimana keadaan barang berada sekarang (*as-is-where-is basic*)

#### 2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua perbelanjaan dan pengangkutan yang berkaitan.

#### 3. KOS-KOS LAIN

Semua perbelanjaan berkaitan pembelian barang seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah di tanggung oleh penyebutharga sendiri.

#### 5. TAFSIRAN

Sebutharga ini dan apa-apa kontak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

#### 6. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA

Kerajaan adalah berhak tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Penilaian Sebutharga LKIM adalah Muktamad.

#### 7. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA

- a. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan **Sebutharga LKIM:S26/2020** serta tajuk sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam

peti sebutharga pada masa dan tempat yang di tetapkan dalam Kenyataan Tawaran.

- b. Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.
- c. Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

8. **TEMPOH BAYARAN PENUH**

Penyebutharga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **4 minggu** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan.

9. **TEMPOH MENGAMBIL BARANG**

Penyebutharga yang berjaya hendaklah mengambil barang dalam tempoh **dua (2) minggu** setelah pembayaran penuh dijelaskan. Jika tidak mengambil dalam tempoh tersebut bayaran tidak akan dikembalikan dan tawaran adalah di anggap terbatal.